

01/09/2003

Malaysia eksport teknologi kejuruteraan monorel

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Malaysia bakal mencatat satu lagi sejarah apabila mengeksport teknologi kejuruteraan monorel tidak lama lagi selepas kejayaan kereta nasional Proton menembusi pasaran antarabangsa.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, sistem pengangkutan monorel yang dilancarkannya di ibu negara semalam, membuktikan kemajuan yang dicapai negara dalam bidang kejuruteraan.

Perdana Menteri berkata, keupayaan untuk mengeluarkan monorel membolehkan negara menyertai kumpulan elit di dunia yang mampu mereka cipta dan mengeluarkan sistem pengangkutan transit ringan dalam bandar.

"Ini adalah sistem rekaan sepenuhnya oleh rakyat tempatan. Selepas kereta nasional, sekarang kita mempunyai monorel. Kini monorel sudah hampir menjadi (projek) monorel nasional kerana kita membina keseluruhannya dengan kepakaran tempatan. Ini menunjukkan kemajuan kita dari segi kejuruteraan.

"Tetapi kita tidak harus berhenti di sini, mungkin di masa depan kita boleh membina kereta api sendiri dan mungkin kereta api laju, Insya-Allah. Tetapi kita mungkin memerlukan lebih banyak masa," katanya ketika melancarkan sistem Transit Monorel KL di Stesen Monorel Bukit Bintang di sini, petang semalam.

Pada majlis itu, Dr Mahathir menjadi pelanggan pertama membeli tiket pengenalan berharga RM1 untuk menaiki tren bersama isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Turut menaiki tren selepas majlis pelancaran itu ialah Menteri Pengangkutan, Datuk Chan Kong Choy; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Mohamad Shaid Mohd Taufik dan Pengerusi MTrans Holdings Sdn Bhd (MTrans), David Chew.

Ketika pertemuan Dr Mahathir dan Presiden Megawati Sukarnoputri di Kuching Khamis lalu, MTrans memeterai perjanjian persefahaman (MoU) dengan Kerajaan Bandaraya Jakarta dan Pusat Transit PT Indonesia (PT ITC) bagi melaksanakan Projek Monorel Jakarta bernilai kira-kira RM1.5 bilion di Jakarta Tengah.

Sebelum ini, Pakistan, Arab Saudi dan Emiriyah Arab Bersatu (UAE) turut berminat mengadakan sistem perkhidmatan itu daripada Malaysia.

KL Monorel berharga RM1.18 bilion akan menjadi pengangkutan awam terpenting di bandar raya yang dijangka mampu membawa 80,000 penumpang sehari, sekali gus mengurangkan kesesakan di ibu negara.

Dr Mahathir berkata, beberapa negara seperti China dan Indonesia sudah menunjukkan minat untuk mengadakan projek seperti itu.

Katanya, Malaysia tidak mempunyai pengalaman dalam membina sistem pengangkutan seperti itu tetapi apa yang dicapainya menunjukkan negara sudah mencapai kemajuan besar dalam bidang kejuruteraan.

Beliau berkata, keupayaan Malaysia untuk mengeksport kepakaran kejuruteraan itu nanti akan menjadi sesuatu yang boleh dibanggakan rakyat.

Perdana Menteri berkata, Malaysia boleh mencapai apa saja asalkan rakyatnya sanggup berusaha gigih dan mencuba sehingga akhirnya berjaya.

Katanya, kejayaan membina monorel juga menunjukkan warga Malaysia boleh menangani masalah dengan cara yang canggih.

"Projek monorel ini mengambil masa tujuh tahun sebelum menjadi realiti tetapi kita boleh berbangga kerana ia adalah hasil kita sendiri," katanya.

Beliau berkata, sistem transit monorel itu lebih murah berbanding sistem

kereta api bawah tanah yang kos pembinaannya mungkin lima kali lebih tinggi dan monorel juga tidak banyak memberi kesan buruk kepada alam sekitar berbanding sistem pengangkutan transit lain.